

**SULIT**



## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS	:	EKONOMI TANAH UNTUK PEMBINAAN
KOD KURSUS	:	BPF 31703
PROGRAM	:	3BPC
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2013
JANGKA MASA	:	3 JAM
ARAHAN	:	JAWAB LIMA SOALAN SAHAJA DARIPADA ENAM SOALAN YANG DISEDIAKAN

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNG EMPAT (4) MUKASURAT**

**SULIT**

- S1 Kebanyakan bandar-bandar yang terbesar di dunia adalah terdiri daripada ekonomi terhebat di dunia. Ia merupakan satu lagi bukti pautan antara kekayaan ekonomi dan bandar. Fenomena ini menunjukkan bahawa bandar memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi.

Kaitkan **LIMA (5)** kelebihan ekonomi bandar dengan memberi contoh bandar-bandar yang berkaitan di Malaysia.

(20 markah)

- S2 **Rajah S2 di Lampiran I** menunjukkan proses pembangunan yang diamalkan di Malaysia yang diperkenalkan oleh Andrew Tan pada tahun 1996.

Huraikan **LIMA (5)** aktiviti yang mempunyai tahap kritikal yang tinggi semasa melaksanakan proses pembangunan mengikut turutan hirarki.

(20 markah)

- S3 "Kerajaan tempatan atau pihak berkuasa tempatan adalah merupakan sistem kerajaan paling bawah di Malaysia - selepas perseketuan dan negeri. Kerajaan ini mempunyai kuasa mengutip cukai, mewujudkan undang-undang dan peraturan-peraturan serta mengeluarkan lesen geran dan permit untuk mana-mana kutipan sisa dan sampah di bawah bidang kuasa kawasan perancangan dan pembangunannya. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti ini adalah bergantung tinggi terhadap kehendak kepimpinan di pihak berkuasa tempatan dan kehendak politik di peringkat kerajaan lebih tinggi."

(Sumber: Singaravelloo, 2009)

Bincangkan pernyataan di atas.

(20 markah)

- S4 "Urbanisasi adalah tidak mudah untuk menempatkan semula penduduk luar bandar ke bandar-bandar atau menjadikan mereka berbudaya maju tetapi menyediakan yang terbaik dari segi keselamatan sosial, perumahan dan kemudahan rekreasi lain."

(Sumber: Hou, 2009)

Huraikan **LIMA (5)** ciri pembangunan perumahan yang berkualiti dan berpatutan di bandar-bandar Malaysia berdasarkan pernyataan di atas.

(20 markah)

- S5 Kuala Lumpur mempunyai 1.8 juta penduduk dan pembangunannya yang pesat telah merampas kehijauan bandar dan juga telah mewujudkan kesesakan lalu lintas yang melampau. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa sedang berusaha mengambil pelbagai langkah untuk memastikan bahawa Kuala Lumpur bakal menjadi sebuah bandar hijau melalui inisiatif 'taman di dalam bandar', supaya menjadikan ia sebagai tempat yang selesa dan selamat untuk bekerja, tempat tinggal dan berekreasi.

Bincangkan sama ada penduduk bandaraya di Kuala Lumpur dapat merasakan bahawa satu hari nanti hutan konkrit yang mereka tinggal di dalamnya akan berubah menjadi sebuah bandar dengan kehijauan.

(20 markah)

- S6 Daerah Pusat Perniagaan (CBD) di pusat bandar adalah pusat perniagaan dan perdagangan. Ia mempunyai ciri-ciri unik yang membezakannya dengan bandar-bandar utama yang lain.

Huraikan **SEPULUH (10)** kriteria CBD.


(20 markah)

LAMPIRAN I

**PEPERIKSAAN AKHIR**

SEMESTER / SESI : SEM II / 2012/2013  
NAMA KURSUS : EKONOMI TANAH UNTUK PEMBINAAN

PROGRAM : 3BPC  
KOD KURSUS : BPF 31703



*Sumber: Tan, 1996*

**Rajah S2: Proses Pembangunan**

**-SOALAN TAMAT-**